

## **Kuiz Pelaburan PNB 2021 (Kuiz Pelaburan PNB 2021)**

- i. Kategori Umum (“Kuiz Pelaburan PNB 2021 – Umum”)**
- ii. Kategori Remaja (“Kuiz Pelaburan PNB 2021 – Remaja”)**

### **Terma & Syarat**

#### **Kelayakan**

1. Kuiz Pelaburan PNB 2021 (Kuiz Pelaburan PNB 2021) ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kuiz Pelaburan PNB 2021 - Umum akan bermula pada 16 Ogos 2021 (jam 12.01 minit tengah malam) yang mana soalan dan artikel akan diterbitkan dalam 2 akhbar iaitu Berita Harian dan Sinar Harian sehingga 20 Ogos 2021. Tarikh tutup untuk penyertaan Kuiz ialah pada 31 Ogos 2021 (jam 12.00 malam). Penyertaan adalah secara dalam talian di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).
3. Kuiz Pelaburan PNB 2021 - Remaja akan bermula pada 9 Ogos 2021 (jam 12.01 minit tengah malam) yang mana soalan dan artikel akan diterbitkan dalam 2 akhbar iaitu Berita Harian dan Sinar Harian sehingga 13 Ogos 2021. Tarikh tutup untuk penyertaan Kuiz ialah pada 22 Ogos 2021 (jam 12.00 malam). Penyertaan adalah secara dalam talian di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).
4. ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Pertandingan atas budi bicara mutlaknyanya.
5. Kuiz Pelaburan PNB 2021 ini terbuka kepada warganegara Malaysia kecuali semua kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (“PNB”) termasuk tetapi tidak terhad kepada PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd., Attana Hotels & Resorts Sdn. Bhd (formerly known as PNB Management Services Sdn. Bhd.) dan PNB Research Institute Sdn. Bhd.
6. Untuk layak menyertai Kuiz Pelaburan PNB 2021, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

#### **A. Kategori Umum**

- i. Peserta mestilah berusia 18 tahun ke atas;
- ii. Peserta perlu menjawab soalan secara dalam talian (on-line) menerusi borang penyertaan yang boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my);
- iii. Borang penyertaan mestilah dihantar dalam Tempoh Kuiz pada atau sebelum 31 Ogos 2021. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak;
- iv. Tiada had penyertaan, namun setiap peserta hanya layak memenangi 1 hadiah sahaja.

## B. Kategori Remaja

- i. Peserta mestilah berusia di antara 13 sehingga 17 tahun;
- ii. Peserta perlu menjawab soalan secara dalam talian (on-line) menerusi borang penyertaan yang boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my);
- iii. Borang penyertaan mestilah dihantar dalam Tempoh Kuiz pada atau sebelum 22 Ogos 2021. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak;
- iv. Tiada had penyertaan, namun setiap peserta hanya layak memenangi 1 hadiah sahaja.

## Pemenang dan Hadiah

1. Untuk layak sebagai pemenang, peserta mestilah menjawab semua soalan dengan betul dan memenuhi syarat dan terma yang telah ditetapkan.
2. Setiap kategori menawarkan hadiah seperti berikut:

### a) Hadiah Kategori Umum

Tempat	Pecahan Hadiah (Unit Amanah ASNB)	
	Hadiah (RM) x Pemenang	Jumlah (RM)
Pertama	2,000 x 3	6,000
Kedua	1,500 x 5	7,500
Ketiga	1,000 x 7	7,000
Keempat	300 x 20	6,000
Kelima	200 x 30	6,000
Saguhati	100 x 100	10,000

## b) Hadiah Kategori Remaja

Tempat	Pecahan Hadiah (Unit Amanah ASNB)	
	Hadiah (RM) x Pemenang	Jumlah (RM)
Pertama	1,000 x 3	3,000
Kedua	700 x 5	3,500
Ketiga	500 x 7	3,500
Keempat	250 x 20	5,000
Kelima	200 x 30	6,000
Saguhati	100 x 50	5,000

3. Terdapat 2 peringkat pemilihan pemenang:
  - i. Peringkat 1 - Saringan berdasarkan jawapan yang betul.
  - ii. Peringkat 2 - Pemilihan pemenang secara rawak menggunakan sistem pemilihan yang telah dibangunkan ASNB.
4. Keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
5. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) unit hadiah. Jika penyertaan lebih dari sekali, hanya satu penyertaan layak untuk menang.
6. **Hadiah pertama hingga ketiga adalah dalam bentuk unit amanah ASNB. Hadiah keempat, ke-lima dan saguhati adalah dalam bentuk baucar Touch 'n Go e-Wallet.**
7. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak ASNB berhak menukar mana-mana hadiah dengan nilai yang sama.
8. Hadiah berbentuk unit amanah ASNB akan dimasukkan terus ke dalam akaun unit amanah ASNB yang dimiliki pemenang berdasarkan budi bicara penganjur.
9. Sekiranya pemenang belum mempunyai akaun dengan mana-mana unit amanah ASNB, pemenang perlu membuka akaun ASNB yang ditetapkan penganjur dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pengumuman pemenang.
10. Untuk menebus hadiah berbentuk Touch 'n Go e-Wallet, pemenang perlu mempunyai aplikasi Touch nGo eWallet di telefon bimbit masing-masing.
11. Nama pemenang akan diumumkan sama ada di akhbar terpilih, laman web ASNB atau di media sosial ASNB.
12. Sekiranya perlu, pemenang akan dihubungi oleh pihak ASNB menggunakan maklumat yang diisi dalam borang penyertaan menggunakan mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian. Sekiranya pemenang gagal dihubungi selepas 2 bulan dari tarikh pengumuman pemenang, hadiah dianggap terbatal.

## **Lain-lain Terma & Syarat**

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini.
2. Keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
3. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan di dalam Kuiz Pelaburan PNB ini, peserta membenarkan ASNB menggunakan gambar, nama dan butiran peribadi peserta, menurut peruntukan perundangan berkaitan untuk tujuan pentadbiran, pemasaran dan publisiti tanpa sebarang kos atau pampasan.
4. Semua pemenang Kuiz Pelaburan PNB bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
5. Pihak ASNB berhak membuat pindaan terhadap terma dan syarat Kuiz Pelaburan PNB menggunakan apa-apa kaedah yang difikir sesuai oleh ASNB tanpa membuat kenyataan kepada mana-mana pihak.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kuiz Pelaburan PNB ini.
7. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan ASNB.
8. Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah, namun segala perbelanjaan untuk menghadiri majlis, dan risiko lain yang berkaitan dengan kehadiran pemenang dalam majlis berkenaan, adalah ditanggung oleh pemenang.
9. Terma dan syarat Kuiz Pelaburan PNB ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.